

kepadanya: “Ketika aku sedang berhaidh, seringkali Nabi s.a.w. berbaring (dengan meletakkan kepala) di pangkuanku, lalu beliau s.a.w. membaca al-Quran.”

٤- باب مَنْ سَمِيَ النَّفَاسَ حَيْضًا وَالْحَيْضَ نَفَاسًا

4 - Bab: Orang Yang Memakai Perkataan Nifas Untuk Haidh Dan Perkataan Haidh (Pula) Untuk Nifas.²³⁶

٢٨٩- حَدَّثَنَا الْمَكِّيُّ بْنُ إِبْرَاهِيمَ قَالَ حَدَّثَنَا هِشَامٌ عَنْ يَحْيَى بْنِ أَبِي كَثِيرٍ عَنْ أَبِي سَلَمَةَ أَنَّ زَيْنَبَ بِنْتَ أُمِّ سَلَمَةَ حَدَّثَتْهُ أَنَّ أُمَّ سَلَمَةَ حَدَّثَتْهَا قَالَتْ بَيْنَا أَنَا مَعَ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مُضْطَجِعَةً فِي خَمِيصَةٍ إِذْ حِضْتُ فَأَنْسَلْتُ فَأَخَذْتُ ثِيَابَ حِيضَتِي قَالَ أَنْفَسْتُ قُلْتُ نَعَمْ فَدَعَانِي فَاضْطَجَعْتُ مَعَهُ فِي الْخَمِيصَةِ

289 - Al-Makki bin Ibrahim meriwayatkan kepada kami, katanya; Hisyam meriwayatkan daripada Yahya bin Abi Katsir daripada Abi Salamah bahawa Zainab binti Ummi Salamah bercerita, sesungguhnya Ummu Salamah menceritakan kepadanya, katanya: “Ketika saya sedang berbaring-barang dalam satu selimut bersama Rasulullah s.a.w., tiba-tiba saya kedatangan haidh. Saya keluar daripada selimut itu dan mengambil pakaian haidh saya”. Nabi s.a.w. bertanya: “Adakah engkau telah bernifas (berhaidh)?” Saya menjawab: “Ya.” Baginda s.a.w. selepas itu memanggil saya dan saya berbaring (tidur lagi) bersama beliau s.a.w. di dalam selimut tadi.”²³⁷

²³⁶ Bab ini diadakan dengan tujuan menyatakan bahawa haidh dan nifas mempunyai banyak persamaan dari segi hukum Syara'. Terdapat banyak juga persamaan hukum di antara perempuan berhaidh dan perempuan bernifas. Bagi Bukhari r.a. pemakaian perkataan nifas untuk haidh dan sebaliknya oleh Nabi s.a.w. bukan semata-mata untuk menyatakan keharusan penggunaannya dari segi bahasa, justeru itu bukanlah tugas utama beliau s.a.w. Malah menerusnya Baginda s.a.w. mahu mengisytarkan kepada banyaknya terdapat persamaan hukum di antara kedua-duanya. Selain itu oleh kerana Imam Bukhari r.a. tidak mendapati riwayat yang menepati syarat-syaratnya berhubung dengan hukum nifas, maka beliau telah memilih jalannya sendiri untuk menyabitkan hukumnya iaitu dengan meneliti dan melihat kepada sikap Rasulullah s.a.w. sendiri dalam perkara ini.

²³⁷ Antara panduan yang diperolehi dari hadits ini ialah: (1) Harus tidur bersama isteri yang berhaidh dalam satu selimut. (2) Seseorang perempuan elok menyimpan kain atau pakaian khusus untuk dipakai ketika datang bulan. (3) Peluh perempuan berhaidh adalah suci. (4) Kebanyakan hukum perempuan berhaidh dan bernifas adalah sama, seperti kedua-dua mereka tidak boleh bersembahyang, berthawaf, berpuasa dan lain-lain.

٥ - باب مباشرة الحائض

5 - Bab: Bersentuh-Sentuhan Kulit Dengan perempuan (Isteri) Yang Berhaidh.²³⁸

٢٩٠ - حَدَّثَنَا قَبِيصَةُ قَالَ حَدَّثَنَا سُفْيَانُ عَنْ مَنْصُورٍ عَنْ إِبْرَاهِيمَ عَنِ الْأَسْوَدِ عَنْ عَائِشَةَ قَالَتْ كُنْتُ أُغْتَسِلُ أَنَا وَالنَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مِنْ إِنَاءٍ وَاحِدٍ كِلَانَا جُنُبٌ وَكَانَ يَأْمُرُنِي فَأَتَرُّ فَيُبَاشِرُنِي وَأَنَا حَائِضٌ وَكَانَ يُخْرِجُ رَأْسَهُ إِلَيَّ وَهُوَ مُعْتَكِفٌ فَأَغْسِلُهُ وَأَنَا حَائِضٌ

290 - Qabisah meriwayatkan kepada kami, katanya: Sufyan meriwayatkan kepada kami daripada Mansur daripada Ibrahim daripada al-Aswad daripada 'Aaisyah r.a, katanya: "Saya sendiri seringkali mandi bersama Rasulullah s.a.w. dengan menggunakan air daripada bekas yang sama. Masing-masing dari kami berjunub. Rasulullah s.a.w. menyuruh saya memakai kain. Setelah itu beliau s.a.w. bersentuh-sentuhan kulit denganku dalam keadaan aku berhaidh. Nabi s.a.w. pernah menghulurkan kepalanya (dari dalam masjid untuk dibasuh) kepadaku ketika beliau sedang beri'tikaf, maka saya membasuh kepala Baginda s.a.w. dalam keadaan saya berhaidh."

²³⁸ Mubasyarah mempunyai beberapa erti. Pertama: Erti asalnya ialah bersentuh-sentuhan kulit. Kedua: berpujuk cumbu, berasmara atau bercium-ciuman dengan bernafsu. Ketiga: Bersetubuh. Bab ini menjelaskan bahawa mubasyarah dengan perempuan berhaidh dengan erti selain daripada bersetubuh adalah diharuskan. Ia tidak termasuk dalam perintah Allah supaya menjauhi perempuan-perempuan semasa berhaidh. Ia juga tidak termasuk dalam larangan Allah daripada mendekati mereka yang berhaidh itu. Kerana kalau semua itu terlarang tentulah Nabi s.a.w. tidak melakukannya. Cuma para 'ulama' berbeda pendapat tentang batas atau bahagian tubuh perempuan berhaidh yang dibenarkan bermubasyarah itu. Ada yang berpendapat yang dibenarkan hanyalah bahagian atas daripada pusat dan bahagian bawah daripada lutut sahaja. Bahagian di antara pusat dan lutut tetap tidak dibenarkan. Antara 'ulama' yang berpendapat demikian ialah Sa'id bin al-Musayyab, Salim, al-Qasim, Thawus, Qatadah, sulaiman bin Yasaar, Abu Hanifah, Malik, al-Auzaa'i dan Imam Bukhari r.a. sendiri. Antara dalil dan hujjah yang dipegang mereka ialah hadits-hadits di bawah bab ini. Sekumpulan 'ulama' yang lain pula berpendapat seseorang dibenarkan bermubasyarah dengan semua bahagian tubuh isterinya atau hamba sahayanya yang berhaidh kecuali faraj dan duburnya. Antara 'ulama' dari kalangan sahabat dan generasi kemudiannya yang berpendapat begini ialah 'Ali, Abu Thalhah, Ibnu 'Abbaas, Masruq, an-Nakha'i, Sya'bi, al-hakam, Sufyan Ats-Tsauri, Muhammad bin al-Hasan, Ahmad, Ishaq, Abu Tsaur, Daud zahiri, an-Nawawi dan lain-lain. Antara dalil dan hujjah golongan ini ialah sabda Nabi s.a.w. yang diriwayatkan oleh Muslim dan lain-lain: "اصنعوا كل شيء إلا النكاح" Bermaksud: "Lakukan apa saja (dengan isterimu yang berhaidh itu) kecuali persetubuhan." Kebanyakan 'ulama' mengatakan pendapat kedua ini lebih kuat dari segi dalilnya tetapi pendapat pertama lebih cermat dan lebih selamat.

٢٩١ - حَدَّثَنَا إِسْمَاعِيلُ بْنُ خَلِيلٍ قَالَ أَخْبَرَنَا عَلِيُّ بْنُ مُسْهِرٍ قَالَ أَخْبَرَنَا أَبُو إِسْحَاقَ هُوَ الشَّيْبَانِيُّ عَنْ عَبْدِ الرَّحْمَنِ بْنِ الْأَسْوَدِ عَنْ أَبِيهِ عَنْ عَائِشَةَ قَالَتْ كَانَتْ إِحْدَانَا إِذَا كَانَتْ حَائِضًا فَأَرَادَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنْ يُبَاشِرَهَا أَمَرَهَا أَنْ تَتَرَّرَ فِي فَوْرٍ حَيْضَتِهَا ثُمَّ يُبَاشِرُهَا قَالَتْ وَأَيُّكُمْ يَمْلِكُ إِرْبَهُ كَمَا كَانَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَمْلِكُ إِرْبَهُ تَابَعَهُ خَالِدٌ وَجَرِيرٌ عَنِ الشَّيْبَانِيِّ

291 - Ismail bin Khalil meriwayatkan kepada kami, katanya: 'Ali bin Mushir meriwayatkan kepada kami, katanya: Abu Ishaq iaitu asy-Syaibani meriwayatkan kepada kami daripada Abdir Rahman bin al-Aswad daripada ayahnya daripada 'Aaisyah r.a, katanya: "Apabila Rasulullah s.a.w. mahu bersentuh-sentuhan kulit (berasmara) dengan seseorang daripada kami (isteri-isteri Nabi s.a.w.) ketika haidhnya sedang keluar dengan banyak,²³⁹ Baginda s.a.w. akan menyuruhnya memakai kain. Setelah itu barulah baginda berasmara dan bersentuh-sentuhan kulit dengannya." Kata 'Aaisyah r.a. : "Siapalah di antara kamu yang dapat mengawal hajatnya²⁴⁰ (keinginan nafsunya) seperti mana Rasulullah s.a.w. dapat mengawalnya?!"²⁴¹

٢٩٢ - حَدَّثَنَا أَبُو التَّعْمَانِ قَالَ حَدَّثَنَا عَبْدُ الْوَاحِدِ قَالَ حَدَّثَنَا الشَّيْبَانِيُّ قَالَ حَدَّثَنَا عَبْدُ اللَّهِ بْنُ شَدَّادٍ قَالَ سَمِعْتُ مَيْمُونَةَ تَقُولُ كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِذَا أَرَادَ أَنْ يُبَاشِرَ امْرَأَةً مِنْ نِسَائِهِ أَمَرَهَا فَأَتَرَّتْ وَهِيَ حَائِضٌ وَرَوَاهُ سُفْيَانٌ عَنِ الشَّيْبَانِيِّ

²³⁹ Apa yang jelas dari hadits ini ialah keharusan bermubasyarah itu berterusan di sepanjang masa haidh yang dialami seseorang perempuan, walaupun pada ketika haidhnya sedang keluar dengan banyak.

²⁴⁰ Terjemahan ini tidak tepat jika diberikan untuk perkataan إرب (dengan hamzah berbaris di bawah dan raa'nya mati) seperti yang terdapat di dalam matan hadits di atas. Kerana ma'nanya ialah kemaluan, anggota sulit atau senjata kaum lelaki. Tetapi begitulah yang terdapat di dalam kebanyakan riwayat. Bagaimanapun di sana terdapat juga perawi yang meriwayatkannya dengan fathah hamzah dan raa'nya. Riwayat ini dipilih oleh sekumpulan 'ulama' seperti Khatthabi dan lain-lain. Kata mereka riwayat inilah yang lebih sesuai dengan kehalusan budi bahasa Saiyyiditina 'Aaisyah r.a. Kerana ma'nanya ialah hajat, keperluan, kehendak dan sebagainya. Terjemahan yang diberikan di atas tepat berdasarkan riwayat kedua ini.

²⁴¹ Kata-kata 'Aaisyah r.a. ini mempunyai dua mafhum. Pertama: Tentu sekali tidak ada di kalangan kamu orang yang dapat mengawal keinginan nafsunya atau kemaluannya melebihi Nabi s.a.w. Oleh itu kamu hendaklah lebih berwaspada apabila mendekati isterimu. Meskipun kamu dibenarkan mendekatinya dan bersentuh-sentuhan kulit (bermubasyarah) dengannya, langkah-langkah keselamatan mestilah diambil seperti yang telah ditunjukkan oleh Nabi s.a.w. Si isteri misalnya hendaklah menutupi bahagian di antara pusat dan lututnya dengan memakai kain atau pakaian yang sesuai. Si suami pula janganlah hendaknya mencerooboh bahagian yang telah tertutup dengan baik itu agar akhirnya tidak ia terjerumus ke dalam kancang yang terlarang. Kedua: Kamu yang tidak dapat mengatasi Nabi s.a.w. dalam mengawal nafsu, tentu sekali diharuskan beristimta' (berseronok-seronok) dengan isterimu ketika berhaidh dalam batas-batas yang telah ditentukan. Sebabnya ialah jika Nabi s.a.w. yang begitu kuat kemampuan mengawal nafsu pun dibenarkan oleh Allah bersentuh-sentuhan kulit dengan isterinya dan tidur bersama isterinya, kamu yang lemah itu tentulah lebih-lebih lagi dibenarkan.

292- Abu an-Nu'man meriwayatkan kepada kami, katanya: 'Abdul Wahid meriwayatkan kepada kami, katanya: Asy-Syaibani meriwayatkan kepada kami, katanya: 'Abdullah bin Syaddad meriwayatkan kepada kami, katanya: Saya telah mendengar Maimunah r.a. berkata: "Rasulullah s.a.w. kalau mahu berasmara (bersenda gurau) dan bersentuh-sentuhan kulit dengan mana-mana isterinya ketika ia sedang berhaidh, beliau akan menyuruh isterinya itu memakai kain." Sufyan juga telah meriwayatkan hadits ini daripada asy-Syaibani.

٦ - بَابُ تَرْكِ الْحَائِضِ الصَّوْمِ

6 - Bab: Perempuan Yang Berhaidh Tidak Boleh Berpuasa.²⁴²

٢٩٣ - حَدَّثَنَا سَعِيدُ بْنُ أَبِي مَرْيَمَ قَالَ أَخْبَرَنَا مُحَمَّدُ بْنُ جَعْفَرٍ قَالَ أَخْبَرَنِي زَيْدٌ هُوَ ابْنُ أَسْلَمَ عَنْ عِيَّاضِ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ عَنْ أَبِي سَعِيدٍ الْخُدْرِيِّ قَالَ خَرَجَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي أَضْحَى أَوْ فِطْرِ إِلَى الْمُصَلَّى فَمَرَّ عَلَى النِّسَاءِ فَقَالَ يَا مَعْشَرَ النِّسَاءِ تَصَدَّقْنَ فَإِنِّي أُرِيْتُكُمْ أَكْثَرَ أَهْلِ النَّارِ فَقُلْنَ وَبِمَ يَا رَسُولَ اللَّهِ قَالَ تُكْثِرْنَ اللَّعْنَ وَتَكْفُرْنَ الْعَشِيرَ مَا رَأَيْتُ مِنْ نَاقِصَاتِ عَقْلِ وَدِينٍ أَذْهَبَ لِبَلِّ الرَّجُلِ الْحَازِمِ مِنْ إِحْدَاكُنَّ قُلْنَ وَمَا نُقْصَانُ دِينِنَا وَعَقْلُنَا يَا رَسُولَ اللَّهِ قَالَ أَلَيْسَ شَهَادَةُ الْمَرْأَةِ مِثْلَ نِصْفِ شَهَادَةِ الرَّجُلِ قُلْنَ بَلَى قَالَ فَذَلِكَ مِنْ نُقْصَانِ عَقْلِهَا أَلَيْسَ إِذَا حَاضَتْ لَمْ تُصَلِّ وَلَمْ تَصُمْ قُلْنَ بَلَى قَالَ فَذَلِكَ مِنْ نُقْصَانِ دِينِهَا

²⁴² Seringkali Bukhari r.a. di dalam tajuk babnya bertindak menjelaskan apa yang musykil dan apa yang tersirat. Justeru yang jelas itu dapat difahami oleh semua orang. Semua orang boleh faham jika anda mengatakan sebabnya perempuan berhaidh itu diharamkan bersembahyang ialah kerana ia dalam keadaan tidak suci. Sedangkan kesucian adalah syarat utama untuk keharusan bersembahyang. Berbeza dengan puasa, kerana kesucian bukan merupakan syarat untuk sahnya puasa. Di sini timbul kemusykilan, kenapakah perempuan yang berhaidh diharamkan berpuasa padahal telah diketahui bahawa kesucian bukanlah syarat untuk sahnya puasa itu? Dengan mengadakan bab ini Imam Bukhari r.a. seolah-olahnya mahu menjelaskan bahawa ini termasuk dalam salah satu ketentuan syara' yang di luar jangkauan pemikiran manusia (غير معقول المعنى). Mereka dalam soal-soal seperti ini dikehendaki menurut saja apa yang telah ditetapkan atau dengan kata lain, ia termasuk di dalam (أمر تعبدى). Perkara kedua yang hendak dijelaskan oleh Bukhari r.a. di sini ialah walaupun di dalam hadits di bawah bab ini disebutkan secara berkembar bahawa perempuan berhaidh tidak boleh bersembahyang dan berpuasa, tetapi hukum sembahyang dan puasa yang ditinggalkan kerana berhaidh itu adalah berbeza. Sembahyang tidak boleh diqadha', puasa (wajib) pula mesti diqadha'. Ini adalah salah satu perkara yang juga telah diijma'kan oleh para 'ulama' ummah. Itulah sebabnya kenapa Imam Bukhari r.a. hanya menyebutkan tentang perempuan yang berhaidh tidak boleh berpuasa, beliau tidak pula menyebutkan selepasnya "dan bersembahyang". Sedangkan kedua-duanya sama-sama perlu dan mesti ditinggalkan oleh perempuan yang berhaidh. Kerana terdapat perbezaan hukum di antara sembahyang dan puasa bagi perempuan berhaidh itulah makanya Bukhari r.a. mengadakan bab yang berasingan untuk meninggalkan puasa dan sembahyang.